

PKBM optimis Azizulhasni raih emas Sukan Olimpik

KOSMO (MS 66)

2 JUN 2016



SUKAN Olimpik Brazil 2016 merupakan pentas ketiga buat Azizulhasni (depan) selepas kali pertama menyertai temasya itu pada 2008 di Beijing.

PENGALAMAN dan kematangan pelumba pecut negara, Azizulhasni Awang mampu menjadi kelebihan kepadanya membawa pulang pingat emas buat negara di Sukan Olimpik Rio de Janeiro, Brazil Ogos depan.

Seperti jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei, Azizulhasni atau lebih dikenali sebagai The Pocket Rocketman turut memasang impian sama untuk meraih pingat emas.

Timbalan Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), Datuk Naim Mohamad percaya Azizulhasni akan mencapai kemuncak prestasinya pada temasya berprestij dunia itu nanti.

"Persiapan Azizulhasni kali ini lebih baik dan pelumba itu juga menunjukkan prestasi yang cemerlang. Tiada apa-apa yang menghalang niat dan tujuan beliau untuk membawa balik pingat kepada negara.

"Saya lihat sewaktu Sukan Olimpik 2012, Azizulhasni mempunyai harapan untuk memenangi pingat tetapi pecutannya tidak menjadi. Kali ini kalau kita lihat pencapaian Azizulhasni di Kejohanan Dunia baru-baru ini, pecu-

tannya menjadi.

"Saya percaya beliau akan mencapai kemuncak prestasi di Rio nanti. Beliau tahu macam mana hendak menang, Azizulhasni juga pernah menjadi pelumba keirin terbaik dunia selama tiga tahun berturut-turut," ujar Naim ketika ditemui pemberita di Lobi Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Putrajaya semalam.



NAIM

Dalam pada itu, Naim berkata, Azizulhasni dan seorang lagi pelumba trek wanita negara, Fatehah Mustapa tidak akan menyertai kontinjen negara pada acara pembukaan Sukan Olimpik nanti.

"Mereka akan sampai sehari selepas acara pembukaan. Kali ini perediaan agak serius dan kita tidak mahu Azizulhasni dan Fatehah mengambil bahagian dalam perarakan pembukaan supaya mereka lebih fokus untuk acara masing-masing," katanya.

Azizulhasni pernah beraksi di Sukan Olimpik Beijing 2008 dan London 2012, dengan beliau, masing-masing menduduki kedudukan ke-10 dan enam bagi acara keirin manakala dalam acara pecut, beliau menamatkan perlumbaan di tempat kelapan dalam kedua-dua temasya itu. -Bernama

Chong Wei in the zone

NEW STRAITS TIMES (M/S. 39)

2 JUN 2016

INDONESIA OPEN: Elements fail to stop shuttler from reaching second round

FABIAN PETER

fabian.mark@nst.com.my

HEAVY rain and a leaking roof did not stop Lee Chong Wei from checking into the second round of the Indonesia Open.

In his first round match at the Istora Gelora Bung Karno Stadium yesterday, Chong Wei eased past India's Sameer Verma 21-11, 21-13 in just 35 minutes.

The former World No 1 next plays Hong

Kong's Ng Ka Long for a place in tomorrow's quarter-final. Ka Long, had earlier beaten Malaysia's Goh Soon Huat 21-19, 21-15.

It was also the end of the road for national No 2 Iskandar Zulkarnain Zainuddin, who went down tamely 21-10, 21-19 to Germany's Marc Zwiebler.

Independent shuttler Zulfadli Zulkiffli stole one game from five-time world champion Lin Dan, but couldn't see it through with a win as he succumbed to a 16-21, 21-18, 21-16 defeat.

The exit of some major names should pave the way for Chong Wei to reach the final on Sunday without much difficulty.

World No 1 Chen Long of China withdrew while Denmark's Viktor Axelsen was forced to retire in the first round due to injury. The Danish No 1 was trailing China's Huang Yuxiang 16-21, 21-16, 8-4 when he had to forfeit the match.

"Despite the exit of some of these names, we cannot take anyone lightly," said men's singles coach Hendrawan when contacted



Zulfadli Zulkiffli managed to stretch Lin Dan to three games before losing 16-21, 21-18, 21-16 yesterday.



Yip-pee, what a surprise!

THE STAR (M/S...51)

2 JUN 2016

Jordan bags unexpected gold in Indonesia

By LIM TEIK HUAT

PETALING JAYA: Jordan Yip returned with the only gold for Malaysia at the Asian Schools Swimming Championships in Indonesia.

The 17-year-old emerged victorious in the boys' 100m backstroke after posting 59.22 in Tuesday's final in Palembang. He also managed to erase the meet record of 57.59 set in 2014.

Thai Tarit Thongchumsin finished second in 59.49. Indonesia's Anugrah Dwiki clocked 59.60 to take the bronze.

There was no hint that Jordan was going to win the gold as he was only the third fastest going into the final after clocking 1:00.25. Tarit was the favourite with a time of 59.76 followed by Anugrah in 1:00.18.

It was an impressive outing for Jordan as he also bagged one silver and one bronze for Malaysia in the four-day championships.

Jordan was second in the 200m individual medley in 2:12.04 and clocked 57.37 to earn a

bronze in the 100m butterfly.

Malaysia also picked up another three bronzes through Elynn Tan Yilin in the girls' 50m freestyle (26.90) and 100m freestyle (1:04.28) and Ng Yi Hao in the boys' 200m breaststroke (2:22.45).

Boosted by his good showing in Indonesia, Jordan is now hopeful of making the podium in next month's Malaysia Games (Sukma) in Kuching next month.

"It will be my second Sukma. I failed to win any medals in 2014. This time, I hope to win some medals for Selangor. But it will be hard to win the backstroke events as national swimmer Tern Jian Han is the favourite," said Jordan, whose favourite swimmer is Kosuke Hagino of Japan.

"I am targeting the 200m individual medley gold and perhaps the 100m butterfly," added Jordan, who bagged 12 out of 15 golds at stake in his age-group at the MSSM (national schools) Swimming Championships in Shah Alam in March this year.

WEIGHTLIFTING

NEW STRAITS TIMES (M/S. 39)

2 Jun 2016

Too late for NSI to act on

THE National Sports Institute (NSI) have branded the Malaysian Weightlifting Federation's (MWF) plans to send Olympic-bound Hafifi Mansor for an eight-week training stint in China as a last minute move but did not deny there was inadequate budget to execute the programme.

A statement released by the NSI yesterday quoted Podium Programme director Tim Newenham as saying the stint

was unplanned.

"We are committed to providing the best preparation for our top athletes in Podium (Programme) and we have supported the plan for Hafifi submitted by weightlifting (federation).

"Eight weeks in China is a sudden and unplanned proposal but we have been able to budget for two weeks," said the statement.

NSI, however, are willing to discuss the matter with MWF honorary secretary Pang Siew Huat to "fully understand the reasons for their (MWF) new request" and will then decide the best preparation plan for Hafifi.

The Podium Programme is intended to provide the cream of Malaysian elite athletes the best in terms of nutrition, training, facilities,

sports science and coaching.

RM75 million had been allocated to the programme this year under the 2016 budget.

Hafifi and lifter Zulhelmi Md Pisol are the only two weightlifters under the programme. The duo won gold and silver respectively at the 2014 Glasgow Commonwealth Games.

MWF had on Tuesday expressed their disappointment that only two weeks were approved for Hafifi. MWF had hoped to send Hafifi, Zulhelmi and elite squad head coach Wang Zhi Quan to the Foshan Sports School on Sunday.

Siew Huat, when contacted yesterday, said he had yet to discuss the matter with Newenham. **By Fadhli Ishak**

Kim Swee optimis raih kemenangan

Oleh SHARKAWI
LONDING

KOSMO (M/S 63)

2 JUN 2016



wanan menentang Timor Leste esok (hari ini) dan 6 Jun ini.

“Jadi, Safiq akan menjalani rawatan lanjut dengan pihak perubatan Johor Darul Takzim.

Skuad Harimau Malaysia kini tinggal 24 pemain dan tiada penggantian tempat Safiq buat masa ini memandangkan kita hanya perlu mendaftarkan 23 pemain untuk setiap perlawanan playoff,” katanya.

Kekosongan yang ditinggalkan Safiq, membuka ruang buat Mohd. Amirulhadi Zainal dan Brendan Gan mengemudi jentera tengah Harimau Malaysia.

Bagi Amirulhadi, ia juga peluang terbaiknya untuk membuktikan kemampuannya selepas dipanggil semula menyertai skuad kebangsaan sejak 2011.

Bagaimanapun Kim Swee masih enggan menamakan pemain pilihannya untuk mengisi



KIM SWEE (dua dari kiri) berjabat tangan dengan jurulatih Timor Leste, Fabio Maciel menjelang aksi *playoff* kelayakan Piala Asia 2019 di Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunos, Larkin malam ini. Turut kelihatan kapten negara, Mohd. Aidil Zafuan Abdul Radzak (kiri) dan ketua pasukan Timor Leste, Junior De Souza.

posisi Safiq, sebaliknya berkata, ada beberapa pemain tengah lain yang boleh dijadikan sandaran Harimau Malaysia untuk perlawanan penting itu.

“Biarpun tanpa khidmat Safiq,

saya percaya pemain-pemain lain dapat menggalas tugas dengan baik sekali gus mencatatkan kemenangan.

“Apa yang kita mahu adalah semua pemain perlu memberi

kan tumpuan pada perlawanan esok (malam ini) dan tidak memandang mudah kemampuan pihak lawan. Kita harus menang perlawanan ini kerana kita adalah tuan rumah,” katanya.

BIARPUN tanpa kelibat Safiq Rahim, ketua jurulatih, Datuk Ong Kim Swee tetap optimis Harimau

Malaysia mampu mencatat kemenangan ke atas Timor Leste dalam saingan *playoff* pertama kelayakan Piala Asia 2019 di Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunos, Larkin malam ini.

Keputusan menggugurkan ketua pasukan itu terpaksa dilakukan berikutan pemain tengah berusia 29 tahun masih dibelenggu kecederaan dan memerlukan masa yang agak lama untuk pulih sepenuhnya.

“Mengikut laporan doktor, Safiq memerlukan masa lebih lama untuk pulih. Jadi, kita mengambil keputusan untuk melepaskan Safiq memandangkan dia tidak dapat diturunkan untuk kedua-dua perla-



PARA pemain negara perlu mencatat kemenangan ke atas Timor Leste pada aksi *playoff* pertama kelayakan Piala Asia di Larkin malam ini.

KOSMO (M/S 63)

JUN 2016

Bukan tugas mudah buat negara – Aidil

PELUANG skuad negara untuk mengutip tiga mata penuh menentang Timor Leste dalam aksi *playoff* pertama kelayakan Piala Asia 2019 di Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Larkin malam ini bukan tugas mudah seperti yang dijangka.

Ia berikutan rekod pertemuan sebelum ini menyaksikan Malaysia hanya memperoleh keputusan seri 1-1 dan menang tipis 1-0 ke atas pasukan kendalian jurulatih Fabio Maciel itu.

Pun begitu, Mohd. Aidil Zafuan Abdul Radzak yang mengetuai skuad

Harimau Malaysia mahu rakan-rakan sepasukan waspada dengan tentangan sengit yang bakal diberikan pasukan lawan.

"Ini adalah perlawanan penting buat Malaysia yang perlu mengutip tiga mata. Tiada istilah lawan mudah kerana mereka juga sebuah pasukan yang kuat," katanya pada sidang akhbar di Hotel Double Tree, Johor Bahru semalam.

Beliau yang turut mengakui sedikit terkesan dengan tempoh latihan yang singkat bagi mencari keserasian

berikutan barisan pemain terdiri daripada pasukan kelab berlainan.

Namun ujarnya, ia tidak menjadi halangan, malah melihat dari sudut positif kerana mereka sebelum ini pernah digandingkan bersama selain saling mengenali antara satu sama lain.

"Saya harap rakan-rakan pasukan dapat memberi komitmen serta menggalas tugas di posisi masing-masing dan percaya ramuan serta taktikal jurulatih sudah pasti dapat meraih kemenangan," katanya.

LTdL 2017 kembali ke Pulau Langkawi

Oleh MUHAMMAD RIDUAN MOHD. HANAFIAH

PERLUMBAAN berbasikal Le Tour de Langkawi (LTdL) akan kembali ke tempat asal kejuaraan berprestij Asia itu apabila edisi ke-22 dijadualkan memulakan kayuhan di Pulau Langkawi pada 22 Februari hingga 1 Mac 2017.

Musim lalu pulau legenda tersebut digugurkan daripada senarai perlumbaan disebabkan masalah kos, masa dan logistik selain turut menyingkirkan tiga lokasi lain iaitu Genting Highlands, Kelantan dan Terengganu.

Ketua Pegawai Eksekutif Ciclista Sports (M) Sdn. Bhd. (Ciclista), Emir Abdul Jalal berkata, pengumuman itu adalah sebagai persediaan lebih awal bagi mengembalikan kegemilangan perlumbaan berprestij tersebut pada tahap



EMIR

tertinggi.

"Perlumbaan LTdL 2017 kembali ke Pulau Langkawi dan akan memulakan perlumbaan pertama di pulau legenda tersebut. Sudah pasti perlumbaan itu mampu menarik peminat-peminat sukan berbasikal dari dalam dan luar negara untuk menyertainya.

"Namun, senarai laluan perlumbaan LTdL masih belum diputuskan termasuk penamat perlumbaan kerana kita masih membuat perbincangan dengan beberapa negeri. Bagi laluan di Genting Highlands pihaknya masih berbincang dengan pengurusan pusat peranginan tersebut.

"Apabila kita membuat keputusan untuk kembali ke Langkawi kos perbelanjaan juga akan meningkat. Dengan masa yang ada kita mula mencari penaja ker-

KOSMO (M/S.....)

2 JUN 2016

ana ia penting untuk menarik penyertaan pelumba terbaik dunia," katanya pada majlis penyampaian hadiah sorakan 'Semangat LTdL 2016' di Menara Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya semalam.

Mengenai jumlah pasukan Pro Tour yang akan menyertai LTdL 2017, Emir menjelaskan, dengan perancangan dan masa yang panjang ini pihaknya akan berusaha mendapatkan penyertaan lebih tiga pasukan Pro Tour berbanding tahun ini.

Pada edisi 2016, tiga pasukan Pro Tour yang mengambil bahagian adalah Astana, Tinkoff dan Dimension Data selain enam pasukan Pro Kontinental serta 11 pasukan dari Asia Timur yang telah mengesahkan penyertaan.

"Kini persiapan menjelang LTdL 2017 lebih teratur dan sudah pasti kita mempunyai banyak masa untuk mencari penajaan, sekali gus kita mampu mendapatkan dana yang lebih besar," katanya.

LTdL 2017 kembali semula ke Pulau Langkawi

SINAR HARIAN (M/S. 5/7)

2 JUN 2016

PENGANJURAN perlumbaan jelajah berbasikal terulung di Asia, Le Tour de Langkawi (LTdL) untuk edisi 2017 kembali bermula di Pulau Langkawi.

Perlumbaan lapan peringkat itu dijangka bermula 22 Februari hingga 1 Mac seperti yang dipersetujui Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

"Seperti edisi tahun ini, kita melihat impak yang cukup besar apabila perlumbaan bermula dan berakhir pada hari Rabu.

"Kita juga berpeluang tarik minat lagi banyak pasukan besar dari Eropah untuk turut serta," kata Ketua Pegawai Eksekutif LTdL, Emir Abdul Jalal selepas majlis penyampaian Sorakan Semangat LTdL 2016 di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), semalam.

Pada majlis itu, Sekolah Menengah Sains Tapah, Tapah, Perak menjuarai kategori sekolah terbaik dan Kampung Guntong MK Lumbok, Batu Pahat, Johor menjuarai Kategori Kampung Terbaik dengan masing-masing membawa pulang RM3,000.

Nazmizam Muhammad cabar pelari pecut negara

BERITA HARIAN (M/S. 48)

2 JUN 2016

Kuala Nerus: Bekas raja pecut Asia Tenggara, Nazmizam Muhammad menaruh harapan tinggi supaya acara 100 dan 200 meter yang dimenangi 13 tahun lalu dapat diulangi pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

Beliau yang kini menjadi Pensyarah di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyifatkan peluang keemasan buat atlet olahraga negara mengulangi pencapaian kerana kejohanan berlangsung di bumi sendiri.

"Saya memang terkilan kerana negara masih gagal melahirkan raja pecut Asia Tenggara selepas kali terakhir di Sukan SEA, Vietnam pada 2003.

"Jadi, saya berharap supaya pelari pecut negara merampas semula gelaran ini pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur, tahun depan," katanya yang ditemui selepas mengadakan Klinik Larian PIBG Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak (SKKGB), di sini, semalam.

Bukan perkara mustahil

Klinik larian yang disertai 65 orang peserta itu dirasmikan Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT), Ibni Amin Busu.

Turut hadir Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Terengganu, Jelani Sulong dan Yang Dipertua PIBG SKKGB, Abdul Malik Muhammad.

Seramai 65 orang peserta membabitkan murid sekolah rendah dan menengah di daerah ini mempelajari teknik larian dan teknik pecutan dari blok permulaan daripada bekas jaguh pecut negara itu.

Anak kelahiran Kampung Durian Mentangau, Dungun itu berkata dia yakin penantian negara untuk melihat jaguh pecut baharu diharap akan berakhir di Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur.

"Bagi saya, bukan satu perkara yang mustahil buat atlet pecut negara untuk mengalahkan pelari Asia lain terutama Thailand di temasya Sukan SEA nanti.

"Malah, kejayaan yang saya lakukan pada 2003 juga tidak datang dengan mudah sebaliknya bekerja keras mengadakan tiga sesi latihan setiap hari sebelum mengharungi temasya itu," katanya.

Oleh Faizul Azlan Razak

Fakta
nombor

2003 KALI

terakhir Malaysia raih
pingat emas acara 100 meter
di Sukan SEA



Pemenang pertandingan Sorakan Semangat LTdL 2016 memperagakan hadiah masing masing di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Putrajaya, semalam.

LTdL 2017 kembali pada 22 Februari

BERITA HARIAN (M/S. 48)

2 JUN 2016

Putrajaya: Perlumbaan jelajah berbasikal terulung di Asia, Le Tour de Langkawi (LTdL) 2017 akan kembali bermula di Pulau Langkawi apabila perlumbaan itu dijadual berlangsung selama lapan peringkat mulai 22 Februari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif LTdL, Emir Abdul Jalal berkata, setakat ini empat set laluan perlumbaan sudah dikenal pasti, namun peringkat akhir perlumbaan hanya akan diputuskan mengikut penajaan yang bakal diperolehi.

“Yang pastinya ia akan berakhir di luar Kuala Lumpur memandangkan perlumbaan akan tamat pada hari bekerja. Kami perlukan dalam tempoh sebulan lagi bagi memutuskan laluan yang dikenal pasti,” katanya selepas Majlis Pengumuman Sorakan Semangat LTdL 2016, semalam.

Emir berkata perlumbaan di Langkawi bermakna penganjur memerlukan perbelanjaan kira-kira RM1 juta bagi menampung kos tambahan terutama untuk pengangkutan.



Berbanding edisi tahun ini, kita mempunyai tempoh masa yang lebih panjang jadi kami akan cuba dapatkan tajaan yang lebih baik”

Emir Abdul Jalal,
Ketua Pegawai Eksekutif LTdL

tan. Penganjuran LTdL 2016 mencecah perbelanjaan RM15 juta dengan bantuan geran daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

“Dengan tajaan yang lebih, kita juga dapat membawa masuk lebih banyak pelumba yang bagus,” katanya.

Terdahulu, Ketua Setiausaha KBS, Datuk Lokman Hakim Ali menyampaikan hadiah Sorakan Semangat 2016 kepada Sekolah Menengah Sains Tapah, Tapah, Perak yang menjuarai kategori sekolah terbaik.